

## PERJANJIAN 1909 ANTARA INGGERIS DENGAN SIAM SERTA LATAR BELAKANGNYA

*oleh*

**J. Chandran**

*Jabatan Sejarah*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

Satu peristiwa yang merupakan tanda yang penting dalam perkembangan sejarah moden Malaysia adalah Perjanjian 1909 antara Siam dengan Inggeris yang memisahkan empat buah negeri Melayu di Utara Semenanjung daripada naungan Siam dan mengikatkan mereka dengan jajahan British. Mulai 1909 sempadan diantara Siam dengan Malaysia telah ditentukan dengan chara kebetulan sahaja dan sehingga ini sempadan itu merupakan suatu soal yang besar maknanya dalam sejarah moden Malaysia. Kajian ini tidak bertujuan untuk meneliti samada sempadan itu munasabah atau tidak. Sebaliknya perkara yang akan lebih dititik-beratkan adalah kedudukan dan kesan Perjanjian 1909 itu didalam konteks dasar imperialis British dirantau ini sebelum Perang Dunia Pertama.

Kebanyakan buku2 sejarah yang menyebut tentang Perjanjian 1909 itu memperlihatkan perkembangan dasar penjajahan Inggeris di Semenanjung Melayu sebagai satu proses yang bersambungan mulai daripada 1874. Malah mengikut pentafsiran beberapa ahli2 sejarah perluasan jajahan Inggeris yang berlaku pada 1909 hanya merupakan punchak dari usaha2 Kerajaan Penjajahan di Tanah Melayu sejak 1874 untuk dapat menampung seberapa banyak negeri2 Melayu didalam satu kawasan jajahan yang luas serta bersatu. Pentafsiran2 yang demikian biasanya mengambil perhatian tentang betapa pentingnya peranan Siam didalam hal ini semata2 kerana pada masa itu setiap negeri Melayu yang terletak kesebelah Utara Negeri2 Melayu Bersatu itu adalah terkandung didalam kawasan2 Siam. Seringkali terdapat juga didalam perbincangan mengenai perkara tersebut sedikit sebanyak yang menyentuh tentang hubungan diantara Inggeris dengan Peranchis sebelum 1909 yang dikatakan memudahkan Perjanjian 1909 diantara Inggeris dengan Siam itu. Maka, memandang dari sudut keadaan antarabangsa, khasnya dari segi kedudukan hubungan diantara Inggeris dengan Peranchis menjelang 1909, kesempatan untuk Inggeris mencapai

---

<sup>1</sup> Kertas ini sebenarnya telah dibentangkan didalam Upacara Penyampaian Hadiah Quiz Sejarah bagi Sekolah2 Menengah yang dianjurkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia, Chawangan Selangor pada 27hb Ogos, 1971. Saya juga berterima kasih kepada Dr. S. Husin Ali yang telah sudi membetulkan bahasa saya didalam renchana ini.

matlamatnya di Utara Semenanjung Melayu adalah sangat baik.<sup>2</sup> Namun demikian kajian ini akan menggambarkan bagaimana tujuan2 dasar British dikawasan Negeri2 Melayu Utara itu telah pun diawasi serta dipelihara lebih awal lagi. Selain daripada itu kertas ini akan menegaskan bahawa sebenarnya Perseetujuan diantara Inggeris dengan Peranchis pada 1904 tidak merupakan puncha bagi Perjanjian 1909 yang berikutan, malah kedua2 kuasa imperialis itu memang telah bersetuju akan kepentingan2 masing2 dikawasan2 yang tertentu sejak 1896.

Sejak Inggeris menakluki Hulu Burma pada 1886 dan meluasnya jajahan Peranchis di Annam dan Tongking, satu persaingan yang hebat diantara kedua2 kuasa imperialis itu telah berlaku. Pertandingan peluasan pengaruh masing2 mula tiba kepunchaknya pada 1893 manakala Peranchis dapat menchapai matlamat2nya di Laos dan kawasan2 sebelah timur Sungai Mekong dengan chara menggunakan kekerasan atas Kerajaan Siam.<sup>3</sup> Pada masa itu kepentingan2 Inggeris dirantau Asia Tenggara, terutama sekali di Tanah Besarnya, tertumpu kepada dua kawasan: di sebelah timur laut Burma dan di Selatan China, khasnya diwilayah Yun-nan; dan yang kedua, di Negeri2 Melayu Utara sehingga Genting Kra. Di-kedua2 kawasan tersebut Kerajaan British mempunyai beberapa kepentingan seperti perdagangan dan stratejik. Sementara itu dasar jajahan Inggeris juga telah berubah akibat peluasan Empayarnya yang agak berselerak. Kerajaan British pada tahun2 1890an enggan memperluaskan Empayar British kerana adanya banyak masalah yang berkaitan dengan peluasan itu. Maka seorang negarawan British pada masa itu, Lord Salisbury, yang juga menjadi Perdana Menteri merangkap Setiausaha Luar Negeri, memegang kuat pada dasar liberal supaya dapat mengatasi masalah2 diplomatik dengan mengadakan persetujuan dengan negeri2 asing.<sup>4</sup> Berbanding dengan dasar Salisbury yang tidak agresif, Peranchis masih lagi terlibat dalam perjuangan jajahan dan hanya menunggu kesempatannya untuk menakluki lebih banyak lagi kawasan2 baru terutama sekali di Tanah Besar Asia Tenggara. Matlamat pertama Peranchis adalah penaklukan Kerajaan Siam supaya tanah jajahan Indochina Peranchis dapat diperluaskan.<sup>5</sup> Dalam keadaan yang tidak menyenangkan itu Inggeris mula

<sup>2</sup> Sebagai contoh lihat D.J.M. Tate, *The Making of Modern South-East Asia*, Vol. 1, The European Context, Kuala Lumpur, 1971, m.s. 291.

<sup>3</sup> Lihat Claire Hirshfield, "The Struggle for the Mekong Banks, 1892-1896", *Journal of Southeast Asian History*, (Singapura), Jil. IX, Bil. 1, Mach 1968, m.s. 35-38.

<sup>4</sup> Lihat J. Chandran, "The British Foreign Office and the Siamese Malay States, 1890-97", *Modern Asian Studies*, (London), Jilid 5, Bil. 2, (1971), ms. 143 - 159; dan pada amnya, J.A.S. Grenville, *Lord Salisbury and Foreign Policy*, London, 1964.

<sup>5</sup> Lihat G. Taboulet, *La Geste Francaise en Indo-China*, Vol. 1, Paris, 1956.

menjalankan rundingan<sup>2</sup> dengan Perancis pada 1895 untuk mengatasi masalah Siam itu tanpa sebarang pergolakan. Tujuan Inggeris didalam rundingan<sup>2</sup> tersebut semata<sup>2</sup> untuk menghindari Perancis daripada memansuhkan kebebasan dan kedaulatan Kerajaan Siam, akan tetapi dua<sup>2</sup> kuasa imperialis itu memang sedar akan kepentingan<sup>2</sup> masing<sup>2</sup> dikawasan<sup>2</sup> Siam yang berhampiran dengan jajahan<sup>2</sup> mereka. Maka dalam Penghishtiharan Inggeris-Perancis pada 15hb Januari, 1896 mereka dapat memelihara kepentingan<sup>2</sup> masing<sup>2</sup> serta mengelakkan penghapusan Kerajaan Siam. Dalam Penghishtiharan 1896 itu dirakamkan beberapa fasal yang ayatnya tidak begitu jelas menerangkan perkaitannya dengan sejarah Negeri<sup>2</sup> Melayu Utara.

Penyelidikan baru<sup>2</sup> ini yang berasaskan sumber<sup>2</sup> Pejabat Luar Negeri Inggeris (Foreign Office), sumber<sup>2</sup> persendirian beberapa orang menteri Inggeris, sumber<sup>2</sup> Pejabat Jajahan India (India Office) dan arkib Kementerian Luar Negeri Perancis (Service des Archives, Ministere des Affaires Etrangeres, Quai d'Orsay, Paris) jelas membuktikan bahawa dua<sup>2</sup> kuasa yang telah menandatangani Pengishtiharan 1896 itu memang memaksudkan persetujuan antara mereka itu supaya meliputi kepentingan<sup>2</sup> masing<sup>2</sup> di Siam Timur dan Siam Selatan jua. Pada surat resminya Penghishtiharan itu hanya menggariskan sempadan kawasan<sup>2</sup> negeri Siam yang akan dianggap sebagai bebas dan berdaulat dan yang tidak akan diresapi oleh kedua<sup>2</sup> kuasa asing itu. Fasal<sup>2</sup> yang lain tidak bersangkutan paut dengan soal masadepan atau kebebasan Siam walaupun menyentuh beberapa perkara yang lain yang selama itu telah menjadi puncha persaingan diantara Inggeris dengan Perancis, umpamanya, masalah Hulu Sungai Mekong, memang disentuh. Sebetulnya Salisbury berchita supaya perjanjian dengan Perancis itu mengekalkan kebebasan dan kedaulatan Kerajaan Siam keatas seluruh kawasan dan wilayahnya termasuk juga Negeri<sup>2</sup> Melayu Utara. Malahan kerajaan Perancis yang sentiasa dipengaruhi oleh unsur<sup>2</sup> kolonialnya tidak sanggup menyetujui chadangan Salisbury kerana mereka mengharap-harap akan kedudukan Perancis di Indochina meresapi kawasan<sup>2</sup> Timur Siam pada satu masa kelak. Maka Pengishtiharan 1896, walau pun menetapkan kebebasan Kerajaan Siam didalam kawasan Lembah Sungai Chao Phya, tidak menyentuh sama sekali kedudukan kawasan<sup>2</sup> yang diluarnya. Hingga kini ahli<sup>2</sup> sejarah tidak dapat menerangkan apakah sebenarnya maksud dua<sup>2</sup> kuasa imperialis itu mengechualikan Siam Timur dan Siam Selatan dalam Pengishtiharan tersebut. Hanya setelah meneliti sumber<sup>2</sup> baharu yang telah disebutkan tadi sahaja dapat dipastikan bahawa Inggeris dan Perancis telah bersetuju bahawa kawasan<sup>2</sup>

yang tertentu itu dikecualikan daripada jaminan am yang telah pun mereka berikan keatas kebebasan Siam di Lembah Chao Phya. Sebetulnya mulai 1896 Inggeris dan Peranchis telah mempraktikan teori baharu bagi kepentingan masing2 yang bermakna bahawa dikawasan Timur Siam yang berhampiran dengan Indochina, Peranchis akan memainkan peranan sebagai kuasa utama sementara Inggeris pula akan menuntut hak keutamaannya diwilayah2 Siam Selatan. Oleh yang demikian tidak benar pula jikalau dikatakan hanya pada 1909 sahaja Inggeris dapat mempertahankan kepentingan2 mereka di Negeri2 Melayu Utara sechara berkesan. Setelah 1896 asalkan Peranchis diberi kebebasan pada dasarnya di Siam Timur, Inggeris bisa membuat apa sahaja di Siam Selatan.<sup>6</sup>

Namun bagitu Salisbury yang telah menandatangani Pengishtiهران itu tidak merasa senang hati kerana beliau sangat memikirkan tentang betapa mudahnya sebuah kuasa asing selain daripada Peranchis boleh champur tangan dalam hal2 negeri2 Melayu itu. Bagi menchapai sebahagian dari tujuannya untuk mententeramkan perasaan Kerajaan Siam terhadap Pengishtiهران 1896 itu dan mengelakkan kemungkinan kuasa asing bertapak di Siam Selatan, Salisbury lalu memulakan rundingan2 dengan Raja Chulalongkorn agar satu perjanjian terlaksana diantara mereka. Disini perlu ditegaskan bahawa Kerajaan Penjajah Inggeris di Tanah Melayu telah mendesak sejak tahun2 1880an supaya kuasa Inggeris diperluaskan ke Negeri2 Melayu Utara. Sekali pun Foreign Office di London telah menentang rayuan2 itu, setelah Sir Frank Swettenham menjadi Resident-General yang pertama bagi Negeri2 Melayu Bersekutu pada 1896, kempen2 untuk menggabungkan kawasan utara itu dengan jajahan British menjadi semakin ranchak. Disamping itu seorang tokoh faham jajahan, Joseph Chamberlain, telah pun dilantik sabagai Setiausaha Hal2 Tanah Jajahan dan Salisbury menghadapi desakan yang tegas mengenai dasar British di Siam Selatan. Pada akhirnya rundingan2 Inggeris-Siam menghasilkan sebuah Perjanjian Rahsia pada April 1897. Mengikut Perjanjian tersebut Siam memberi jaminan bahawa ia tidak akan menyerahkan sebarang tanah dikawasan2 Semenanjung Melayu atau membenarkan kuasa2 asing menampilkan kenegeri2 Melayu Utara, sementara kerajaan Inggeris pula berjanji akan menolong Siam menentang sebarang kuasa asing yang chuba mencheburkan dirinya di-kawasan2 tersebut sechara kekerasan atau ketenteraan. Kerajaan Siam juga mengaku bahawa setiap permohonan dari orang2 asing untuk melombong, meniaga dan sebagainya di Siam Selatan mestilah dirundingkan terlebih dahulu dengan Kerajaan British sebelum keputusan dibuat. Perlu ditegaskan disini bahawa Salisbury hanya dapat persetujuan Siam bagi Perjanjian Rahsia itu setelah menjalankan

<sup>6</sup> Untuk perbincangan yang selanjutnya mengenai perkara ini lihat J. Chandran, "The Anglo-French Declaration of January 1896 and the Independence of Siam", *Journal of the Siam Society*, (Bangkok), Jil. LVIII' Bahagian 2, Julia 1970, ms. 105-126.

beberapa muslihat, kerana Raja Chulalongkorn sangat enggan memberi peranan yang besar kepada Inggeris di wilayah2 Selatannya. Pada penghujung rundingan2 Inggeris-Siam Salisbury telah mengugut Chulalongkorn dengan kemungkinan Inggeris tidak akan membantu Siam sekiranya serangan dari Peranchis berlaku semula. Oleh yang demikian Siam dengan merasa sedikit keberatan terpaksa bersetuju dengan syarat2 dalam Perjanjian Rahsia 1897 itu.<sup>7</sup>

Keadaan yang pada akhir-nya menyebabkan Kerajaan Inggeris mengkaji semula kepentingan2nya dikawasan negeri2 Melayu Utara adalah berkaitan dengan beberapa tanda yang merbahaya yang telah wujud antara tahun2 1899 dengan 1902 disekitar Empayarnya, khasnya dirantau Asia Tenggara. Kerajaan Inggeris mula merasa bimbang setelah terchetusnya Perang Afrika Selatan pada 1899 dimana penentangan gulungan Boers menjadi begitu hebat hingga sejumlah besar askar Inggeris dichurahkan ke kawasan tersebut untuk membasmi pemberontakan itu. Tambahan pula negarawan2 British memang sedar bahawa selagi kekuatan tentera dan tenaga mereka tertumpu kepada Afrika Selatan, selama itulah kuasa2 Eropah lain yang sedang menyaingi pengaruh Inggeris diseluruh dunia akan chuba melakukan satu2 tindakan terhadap kawasan2 yang terpenchil dalam Empayar British supaya dapat memaksa Inggeris menyetujui kehendak2 mereka yang tertentu dibenua Eropah. Lebih kurang pada penghabisan abad kesembilanbelas juga kedudukan istimewa British di Empayar China telah menghadapi beberapa chabaran daripada kuasa2 Eropah seperti Rusia, Peranchis dan Jerman. Disamping itu, setelah awal 1898 Jerman telah mula tampil ke Empayar China sechara kekerasan dan banyak kemungkinan telah timbul bahawa negara2 lain juga akan berbuat demikian. Maka dengan kata2 lain kedudukan Inggeris dimana2 sahaja dalam konteks Empayarnya pada awal kurun keduapuluh telah terancham. Namun begitu Foreign Office Inggeris sungguh kkuatir akan Jerman mengambil peluangnya untuk champur tangan dalam hal ehwal negeri2 Melayu Utara, terutama sekali kerana Tentera Laut Jerman sedang membangun dan mereka sangat memerlukan pelabuhan2 yang sesuai dimerata dunia untuk menyaingi kuasa lautan Inggeris yang sehingga itu tidak boleh ditandingi.<sup>8</sup> Ramalan2 yang tersiar daripada rantau Asia Tenggara pada ketika itu membayangkan keadaan dinegeri2 Melayu Utara sebagai terlalu kucharkachir dan oleh itu boleh memberi kesempatan yang baik kepada sebuah kuasa asing seperti Jerman untuk bergerak. Meskipun Kerajaan Inggeris telah menandatangani sebuah perjanjian sempadan dengan Siam pada 1899<sup>9</sup> yang menggariskan sempadan antara Negeri2 Melayu Bersekutu bagi satu pihak dan wilayah2 Siam bagi satu pihak yang lain, Foreign Office di London tidak dapat melupakan soal hubungan diantara Siam dengan negeri2 Melayu Utara. Mengikut Kerajaan Penjajah di Singapura Siam tidak dapat menakluki nege-

ri2 Melayu tersebut dengan tegas dan raja2 Melayu diutara dikatakan pula bersiap untuk memberontak, terutama sekali Raja Patani. Memang benar bahawa pendapat yang wujud dari pihak Inggeris di Semenanjung Melayu bertujuan untuk memperkecil-kecilkan pengaruh Siam dikawasan2 Melayu Utara, akan tetapi beberapa kebenaran telah pun memuktikan kepada Kerajaan London bahawa sikap Negeri2 Melayu Utara terhadap Siam adalah bermusuhan. Didalam hal ini perlu ditegaskan bahawa Foreign Office Inggeris mengambil berat terhadap tindak-tanduk negeri Patani yang dianggap sebagai kuasa yang mempunyai daya utama antara Negeri2 Melayu Utara.

Perkara yang menyebabkan Inggeris menjadi sungguh kluatir terhadap perkembangan2 politik di-Negeri2 Melayu Utara adalah kegagalan Perjanjian Rahsia 1897. Pada tahun2 yang berikutnya Inggeris dan Siam telah berkali2 berkelahi tentang pelaksanaan Perjanjian tersebut. Disamping itu menurut sumber2 tempatan semakin ramai orang asing mencheburkan diri didalam perdagangan dan perlombongan di Negeri2 Melayu Utara sechара bersendirian. Meskipun hanya separuh dari mereka itu sahaja yang terdiri dari warganegara Jerman, Kerajaan Inggeris memang menshaki bahawa Jerman adalah bertanggungjawab atas penambahan perhatian orang2 asing yang tiba2 ditumpukan kepada Negeri2 Melayu Utara itu, khasnya Kedah, Kelantan dan Trengganu. Pertelingkahan antara Inggeris dengan Siam timbul kerana kebanyakan orang asing itu telah memohon kebenaran untuk melombong dan sebagainya sechара langsung kepada raja2 Melayu sendiri tanpa sebarang permintaan kepada Kerajaan Siam di Bangkok. Tambahan pula Kerajaan Inggeris merasa churiga bahawa Siam tidak setia kepada peraturan2 dalam Perjanjian Rahsia, malahan pihak

<sup>7</sup> Lihat T. Numnonda, "The Anglo-Siamese Secret Convention of 1897". *Journal of the Siam Society*, Jilid LIII, Bahagian I, Januari 1965, ms. 45-61.

<sup>8</sup> Grenville, *Lord Salisbury*, Bab VI; G.W. Monger, *The End of Isolation: British Foreign Policy, 1900-1907*, London 1963.

<sup>9</sup> Lihat J. Chandran, "Three Agreements Relating to the Northern Malay States Concluded in 1896, 1897 and 1899", (dengan terjemahan2nya dalam Bahasa Malaysia), *Peninjau Sejarah*, (Kuala Lumpur), Jilid III, Bil 2, September 1968, m.s. 52-62.

<sup>10</sup> Ira Klein, "British Expansion in Malaya, 1897-1902", *Journal of South-east Asian History*, Jilid IX, Bil. 1, Mach 1968, m.s. 52-68.

Bangkok mungkin membuat persefahaman sechara sulit dengan kuasa2 asing seumpama Jerman. Maka segala kemungkinan itu lalu menyebabkan Kerajaan Inggeris, terutamanya Foreign Officencya, berusaha menchari chara2 baharu untuk mengatasi keadaan yang tidak menyenangkan di Negeri2 Melayu Utara pada awal kurun keduapuluh.<sup>10</sup>

Disini harus diingat juga peranan seseorang individu seperti Setiausaha Luar Negeri baharu di London, Lord Lansdowne. Beliau telah mengambil alih jawatan tersebut setelah pilihan raya 1900. Dalam pilihan raya tersebut Partai Konservatif telah sekali lagi menchapai kejayaan yang besar dan Lord Salisbury telah pun mengundurkan dirinya daripada menjadi Setiausaha Luar Negeri semula walaupun terus memegang jawatan Perdana Menteri. Salisbury adalah lebih tenang dan sabar dalam usaha2 diplo-masinya mungkin kerana beliau sangat berpengalaman. Malah Salisbury sebenarnya tidak begitu kkuatir akan keadaan di Negeri2 Melayu Utara menjadi merbahaya atau merunching. Akan tetapi Lansdowne tidak sanggup memerhatikan sahaja perjalanan dasar Jerman yang sangat memusuhi Inggeris disekitar dunia dan disamping itu penasihat2nya di Foreign Office pula mensifatkan peranan Jerman dirantau Asia Tenggara sebagai nakal. Maka Lansdowne berniat hendak mengindarkan sebarang tindakan Siam atau Jerman di Negeri2 Melayu Utara yang mengancham kedudukan dan kepentingan2 Inggeris.

Dalam usaha2 yang demikian Lansdowne berpendapat bahawa dasar Inggeris terhadap Siam dikawasan utara Semenanjung Melayu adalah tidak wajar atau sesuai kerana kegagalan Perjanjian Rahsia 1897. Pada hakikatnya Perjanjian tersebut tidak mendatangkan sebarang hasil kepada dua2 negara yang terlibat dan sebaliknya banyak masalah dalam pelaksanaannya sahaja yang timbul. Kedudukan Lansdowne sangat rumit mememandangkan rahsianya Perjanjian 1897 yang tidak membolehkan Inggeris menafikannya supaya dasar mereka di Negeri2 Melayu Utara lebih bebas. Sementara itu Kerajaan Siam sendiri terikat kepada Perjanjian Rahsia itu kerana mereka memang kkuatir akan kuasa2 asing dapat tahu sejauh mana Siam telah memberi keistimewaan kepada Inggeris diwilayah2 Selatan. Lansdowne pertama sekali menitik beratkan hubungan antara Inggeris dengan Peranchis kerana beliau sedar bahawa peranan Inggeris di Negeri2 Melayu Utara itu tidak akan terbatas melainkan dengan satu persefahaman yang seluas2nya dengan Kerajaan Peranchis. Malahan pada awal kurun keduapuluh Lansdowne tidak melihat sebarang peluang untuk memperbaiki hubungan antara Inggeris dengan Peranchis yang agak tegang disebabkan oleh persaingan antara mereka di Mesir, Maghrabi dan Afrika. Pada ketika itu keadaan di Negeri2 Melayu Utara pula merosot dan menjadi makin buruk akibat tuntutan raja2 Melayu akan kebebasan mereka daripada

---

<sup>10</sup> Ira Klein, "British Expansion in Malaya, 1897-1902" *Journal of Southeast Asia History*, (Singapore), Jilid IX, Bil 1, (Mach 1968) ms. 53-68.

kuasa Siam Kerajaan Siam memang menghadapi banyak kesulitan dalam usahanya untuk memperkuatkuasakan pengaruhnya atas negeri2 Melayu tersebut dan pada 1902 satu peristiwa yang serius berlaku bilamana askar2 Siam menahan Raja Patani lalu membawanya ke Bangkok. Setelah Raja Patani digulingkan kempen2 kerajaan Penjajah Inggeris di Singapura yang didahului oleh Swettenham naik semangat dan kerajaan London dibanjiri oleh kian banyak desakan memintanya mengambil langkah2 yang tegas untuk mempertahankan kepentingan2 Inggeris.

Sechara kebetulan sahaja, pada akhir 1901 kerajaan Peranchis telah berunding dengan Siam tentang beberapa masalah antara dua pihak itu di kawasan2 Siam Timur. Perkembangan tersebut lalu menggalakkan Lansdowne membangkitkan soal negeri2 Melayu Utara sechara langsung dengan Kerajaan Siam. Beliau tidak sanggup menyokong rayuan2 Swettenham dan rakan2nya di Singapura supaya menakluki Perlis, Kedah, Patani, Kelantan dan Trengganu kerana sekiranya Inggeris berbuat demikian sudah tentu Peranchis pula akan membalas dengan merebut kawasan Siam Timur. Dari segi keperluan2 stratejik Inggeris ibukota Bangkok dianggap amat penting dan dasar Inggeris menghendaki tempat itu bebas dari pengaruh Peranchis. Oleh kerana matlamat2 Peranchis dikawasan Battambang dan Siemreap, yang terlalu berhampiran dengan Bangkok maka Lansdowne tidak dapat memberi peluang kepada Peranchis. Namun demikian Lansdowne menyedari bahawa setelah pergolakan antara Siam dengan Patani keadaan di Kelantan dan Trengganu mula menjadi tidak tenteram. Beliau yakin bahawa sekiranya pentadbiran Siam didua-dua negeri Melayu itu dapat diperbaiki mungkin keadaan akan pulih. Menurut dasar baharu itu Lansdowne telah mengadakan rundingan dengan wakil2 Kerajaan Siam di London pada akhir 1901 dengan tujuan memaksa Raja Chulalongkorn supaya melantik Penasihat2 Am (General Advisers) kepada Raja Kelantan dan Sultan Trengganu. Pada mulanya Siam chuba mengganggu rundingan2 itu akan tetapi setelah Lansdowne menunjukkan sikapnya yang begitu keras dengan lawatan Swettenham ke Kelantan dan Trengganu seolah2 beliau akan membuat perjanjian sechara langsung dengan negeri2 tersebut, maka Kerajaan Siam kemudian menerima chadangan2 Inggeris. Hasil perundingan antara Inggeris dan Siam adalah satu perjanjian yang ditandatangani oleh Lansdowne dan Phya Sisahathep, Wakil Khas Siam, di London pada 5hb Oktober 1902. Menurut perjanjian tersebut Siam bersetuju akan melantik Penasihat2 Am kepada Raja Kelantan dan Sultan Trengganu akan tetapi perlantikan itu akan dikenakan syarat seperti berikut:

- (i) Penasihat2 tersebut mestilah warganegara British yang sedang bertugas dengan kerajaan Siam;
- (ii) Perlantikan mereka mesti dirundingkan dengan pihak Inggeris terlebih dahulu.

Sharat2 tersebut telah pun dirakamkan dalam balas-membalas nota2 rahsia diantara Inggeris dengan Siam dan kemudiannya perjanjian2 yang resmi mengenai soal Penasihat2 Am telah ditandatangani hanya antara Siam dengan Kelantan kerana Sultan Trengganu menolak perjanjian itu dengan Siam habis2an. Perlu ditegaskan disini bahawa Kerajaan Siam telah berusaha kuat melalui diplomasinya untuk mengelakkan sharat2 rahsia itu dan sebenarnya mereka telah mengadakan rundingan2 dengan Kerajaan Peranchis sebagai satu chara untuk menghindari chita2 Lansdowne. Walau bagaimana pun pada akhirnya Lansdowne telah mengatasi muslihat Siam itu dengan keputusannya untuk membinchangkan masalah Siam itu sechara langsung dengan Kerajaan Peranchis. Maka langkah yang demikian itu menyebabkan Siam terpaksa menyetujui chadangan2 Inggeris mengenai Penasihat2 Am. Sesudah sahaja rundingan2 antara Inggeris dengan Siam pada akhir 1902 mengenai Kelantan dan Trengganu, Kerajaan Inggeris pun terus melangkah kearah perpaduan dasar2 Inggeris dan Peranchis terhadap Siam dan usaha2 itu tidak lama lagi berhasil sebagai Persetujuan Inggeris Peranchis atau Entente Cordiale pada April 1904 yang meliputi bukan sahaja masalah Siam bahkan menyelesaikan juga masalah Mesir dan Maghrabi.

Dapat disimpulkan Perjanjian Inggeris-Siam 1909 bukannya hasil daripada persefahaman antara dua2 kuasa imperialis, iaitu Inggeris dan Peranchis, pada 1904. Bahkan Kerajaan Inggeris telah mengambil langkah2 untuk mempertahankan kepentingan2nya di Negeri2 Melayu Utara terlebih dahulu lagi iaitu pada 1897. Oleh kerana Perjanjian Rahsia telah gagal bagi melindungi keperluan2 Inggeris menjelang awal kurun kedua puluh, maka Kerajaan Inggeris dengan ranchak bergerak terhadap kelemahan Siam di Negeri2 Melayu Utara, terutamanya di Kelantan dan Trengganu. Satu soal pokok bagi sejarah Malaysia dalam semua pergerakan2 ini adalah mengapa Inggeris tidak mempunyai niat untuk mara keseluruhan kawasan Melayu di Utara itu hinggalah ke Genting Kra. Sebagaimana yang telah disebutkan tadi, pada amnya Kerajaan Inggeris memang memerhatikan kawasan2 diselatan Genting Kra sebagai kawasan pengaruhnya sejak tahun2 1870an akan tetapi pada waktu itu mereka tidak berniat untuk menakluki kawasan tersebut. Kemudian, manakala masalah2 antarabangsa mula timbul pada penghujung kurun kesembilan belas, Kerajaan Inggeris memandang berat khasnya kepada Perlis, Kedah, Patani, Kelantan dan Trengganu mungkin sebab negeri2 itulah yang berhampiran dengan Negeri2 Melayu Bersekutu. Pada awal kurun kedua puluh Kerajaan Inggeris telah dapat mengawasi kepentingan2nya di Perlis dan Kedah dengan perlantikan seorang wakil (atau Consul) yang bertugas dengan melawat dua2 negeri tersebut serta membuat laporan2 kepada Kerajaan. Sebaliknya keadaan di Pantai Timur pula merupakan satu masalah yang lebih serius sebab Raja2 Patani, Kelantan dan Trengganu dianggap sebagai

gagah dan bebas. Pendirian Inggeris terhadap negeri2 Pantai Timur telah pun dibuktikan sering kali kerana Raja Kelantan, misalnya, telah memberi kemudahan2 untuk melombong dan berniaga yang seluas2nya kepada seorang British, William Duff, tanpa sebarang persetujuan daripada pihak Siam. Alasan yang penting bagi ketinggalan Patani didalam Perjanjian 1909 tidak boleh dinafikan adalah akibat kejayaan Siam pada 1902 manakala mereka telah dapat menawan Raja Patani. Setelah peristiwa itu Inggeris memang mengakui bahawa Patani lebih bergantung kepada Siam dan Kerajaan Penjajah di Tanah Melayu pada amnya menumpukan perhatiannya kepada Perlis, Kedah, Kelantan dan Trengganu sahaja. Selain daripada itu mengikut chara2 penetapan sempadan yang digunakan oleh kuasa imperialis pada masa yang lampau, terutama sekali chara2 Inggeris adalah dengan menggariskan sempadan melalui punchak2 pergunungan. Disini jelas sekali dapat diperlihatkan bahawa sempadan 1909 itu sangat sesuai bagi teori Inggeris itu sedangkan sekiranya Patani juga dimasukkan dalam sempadan itu Inggeris tidak akan menchapai keperluan2 strategiknya.